

# Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Masyarakat Singapura Gopoh

Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Masyarakat, Singapura, A. Othman Wok, telah mengemukakan Rang

Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam, 1965 ke dalam parlimen pada penghujung bulan Disember 1965 dan

kemudian diisyiharkan bahawa rang undang-undang itu: setelah bacaan yang kedua diserahkan kepada Jawatankuasa Pilihan

(*Select Committee*) untuk memberi peluang kepada orang-orang Islam khasnya mengemukakan “tambahan bagi mana-mana yang

kurang, dan menguatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan sekiranya ada apa-apa yang tersilap.”

(Oleh Abdullah bin Hamid al-Edrus)

Adalah menjadi suatu pertanyaan orang ramai mengapa rang undang-undang ini dikemukakan kepada parlimen oleh Menteri Hal Ehwal Masyarakat — tidak oleh Menteri Kehakiman seperti dahulu yang sepatutnya bertanggungjawab di dalam mengemukakan rang undang-undang itu. Ini adalah menghairankan kerana sesuatu undang-undang yang di dalamnya bersabit perkara-perkara yang ada hukuman bagi dilaksanakan dibawa oleh kementerian yang tidak berkaitan dengan undang-undang negara.

Rang Undang-undang Islam ini dibawa ke dalam parlimen, nampaknya belum begitu masak disemak oleh Majlis Penasihat Islam sedang di dalam parlimen itu anggota-anggotanya boleh dikatakan tidak ada orang yang bakal membahas rang undang-undang itu. Dengan kerana itu adalah menjadi suatu perkara yang baik rang undang-undang itu dihalusi dengan saksama oleh orang-orang awam dan kerana itu, dengan sebab Menteri Kebudayaan hendak tergesa-gesa menguatkuaskan undang-undang itu, suatu syor dikemukakan supaya tarikh penutupan pada 24 Januari untuk menerima syor orang ramai kepada Jawatankuasa Pilihan ditangguhkan terutamanya pada masa itu orang Islam dalam puasa yang mereka rasa dan ketahui betapa beratnya menggunakan fikiran dan masa-masa bagi mengadakan mesyuarat-mesyuarat umat Islam payah dilaksanakan.

Tetapi malangnya sehari kemudian Menteri Hal Ehwal Masyarakat mengeluarkan suatu pengisyiharan bahawa tidak ada penangguhan waktu bagi menerima syor-syor itu kerana “alasan yang tipis orang di dalam puasa tidak dapat berfikir berat” dan beliau berpendapat bahawa undang-undang itu telah lanjut masanya lebih empat tahun sudah tertinggal.

Menurut beliau bahawa telah banyak syor-syor dikemukakan mengenai undang-undang itu semenjak ia dikemukakan pada tahun 1961 dahulu tetapi sepanjang yang diketahui fikiran-fikiran diminta hanya dengan secara sulit — tidak terbuka kepada orang ramai, sedang Majlis Penasihat Islam sendiri, tidak mengkaji dengan sewajarnya sebagai kehendak umat Islam ke atas rang undang-undang itu.

Di dalam Persidangan Badan-badan Islam pada 15 April 1961 di Singapura tatkala membantah Rang Undang-undang Islam yang dikatakan dibuat dengan tidak cukup saksama itu telah mengambil suatu keputusan yang berbunyi:

**“Mendesak kerajaan supaya menarik balik Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam 1960 dan kemudian menyerahkannya untuk dikaji dengan teliti oleh Majlis Penasihat Islam. Sebelum dikemukakan kembali kepada Dewan Perhimpunan Undangan, rang undang-undang itu hendaklah**



Gambar diambil dalam Persidangan Umat Islam yang diadakan di Canning Rise pada 15 April 1961 tatkala mengkaji

dan meminta disemak semula Rang Undang-undang Hukum Islam (1960) dahulu. Di tengah-tengah — yang ketiga dari kanan

kelihatan Almarhum Kiyai Muhammad Fadlullah Suhaimi yang mengerusikan majlis itu.

---

**dijamin sudah disemak oleh alim ulama yang dilantik  
oleh Jawatankuasa Khas Majlis Penasihat Islam  
Kerajaan dengan menjemput beberapa orang alim ulama yang  
bukan ahli majlis itu; dan semua ahli Majlis Islam  
Penasihat Kerajaan telah berpuas hati dengannya.”**

Terbit daripada keputusan ini, kerajaan Singapura telah menarik balik rang undang-undang itu, untuk “disemak semula”. Tetapi semenjak dari masa itu, tuntutan badan-badan Islam yang mengambil keputusan itu tidak mendengar dan tidak mengetahui ada Majlis Penasihat Islam melantik Jawatankuasa Khas, sebagaimana mereka kehendaki, yang di dalamnya ada bersama-sama alim ulama yang di luar daripada Majlis Penasihat Islam bersama-sama merundingkan perkara itu

tetapi pada penghujung tahun 1963 Majlis Penasihat Islam menghantarkan rang undang-undang itu kepada badan-badan Islam meminta dirundingkan dengan sulit. Ada beberapa badan yang menerima permintaan itu di antaranya Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya. Suatu Jawatankuasa Khas Persekutuan Seruan Islam Se-Malaya mengandungi 22 orang untuk mengkaji rang undang-undang itu dilantik. Mereka telah bermesyuarat sebanyak 24 kali mulai dari 13 Januari 1964 sehingga bulan Mei 1964 dan “tambahan bagi mana-mana yang kurang, menguatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan sekiranya ada apa-apa yang tersilap” telah dilaksanakan oleh mereka dan Jawatankuasa Agung Jamiyah telah mempersetujukan pindaan itu dalam sidangnya pada 27

Mei dan 3 Jun 1964. Pada 8 Jun pindaan-pindaan itu telah dihantar kepada Majlis Penasihat Islam Singapura tetapi malangnya apabila rang undang-undang itu dikemukakan kepada parlimen, setahun setengah dari tarikh itu pada penghujung bulan Disember 1965 hanya ada sedikit pindaan yang dibuat daripada pindaan-pindaan yang dikemukakan oleh Jamiyah bahkan rang undang-undang dikemukakan hampir-hampir sebagaimana biasa termasuk pindaan-pindaan yang terbit atas Singapura menjadi sebuah negara republik dan dengan tambahan-tambahan yang nampaknya memberi corak pemerintah menguasai majlis itu kelak apabila ditubuhkan.

Dengan ini, menurut pendapat saya, tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh badan-badan Islam pada tahun 1961 itu diterima hanya untuk melepaskan batuk di tangga dan hanya, menurut pendapat saya, untuk mentenangkan perasaan umat atau untuk melupakan bahawa banyak perkara-perkara di dalam rang undang-undang itu yang bakal tidak dapat diterima oleh umat Islam mungkin hendak “dipaksakan” untuk diterima dengan cara yang bijaksana.

Untungnya Jemaah Menteri Singapura menyedari kegopohan Menteri Kebudayaan yang seolah-olah tidak mahu memberi peluang kepada umat Islam mengkaji rang undang-undang itu dengan tenang dan saksama dan nampaknya dengan kerana itulah Menteri Kebudayaan itu terpaksa menjilat apa yang diludahnya dua hari kemudian untuk menangguhkan masa bagi memberi fikiran kepada Jawatankuasa Pilihan. Adalah disyukuri bahawa Jemaah Menteri telah mengerti dan faham keberatan-keberatan umat Islam diberi masa yang sangat suntuk bagi menambah “mana-mana yang kurang, menguatkan mana-mana yang longgar dan membetulkan sekiranya ada apa-apa yang tersilap” di dalam rang undang-undang itu.

Sekiranya Jemaah Menteri Singapura terburu-buru sebagaimana perbuatan Menteri Kebudayaan dan Hal Ehwal Masyarakat itu, saya yakin dan percaya perasaan tidak puas hati umat Islam akan timbul dan akan menuduh

kerajaan tidak memberi peluang umat Islam memikirkan hal ehwal yang mengenai mereka.

Seperkara yang sangat mendukacitakan dalam soal ini ialah rang undang-undang itu akan mengenai seluruh umat Islam. Rang undang-undang itu dikeluar dan diisyiharkan dalam bahasa Inggeris sedang umat Islam terutamanya kebanyakan alim ulamanya tidak mengerti berbahasa Inggeris dan kerana itu tidak menjadi suatu perkara yang bijak bagi kerajaan tidak mengadakan terjemahan rang undang-undang itu kerana yang demikian menjadikan mereka itu orang yang samar-samar bagi memberi fikiran sekalipun fikiran mereka diterima di dalam bahasa Melayu. Fikiran-fikiran mereka sangat perlu dan sangat mustahak adanya kerana di dalam parlimen, dengan tidak mengecalkan kelayakan-kelayakan anggota parlimen mereka itu adalah orang-orang yang bukan ahli dalam hukum-hukum Islam.

Kerana itu meluaskan masa dan perbahasan di dalam rang undang-undang ini bagi orang ramai adalah menjadi suatu perkara bijak kerana saya yakin, kerajaan Republik Singapura tidak gemar menyakiti umat Islam dan tidak suka menimbulkan perasaan tidak puas hati umat Islam. Yang demikian ini jelas dapat difaham daripada ucapan-ucapan Perdana Menteri Singapura di dalam menyatakan bagaimana rosaknya pandangan dunia Islam, sahabat-sahabat kerajaan Singapura yang lain jika ada perkara-perkara yang boleh dipandang menindas atau menyakiti umat Islam.

Jawatankuasa Jamiyah telah melantik lima orang iaitu tuan-tuan haji Wanjur bin Abu Bakar, Ali Distakir, Babu Sahib Muhammad Ghous dan A. Muhammad Siddiq bin Abdul Hamid untuk “menyemak” syor-syor atas panduan Rang Undang-undang Islam yang telah dibuat oleh 22 orang jawatankuasa yang dilantik oleh Jamiyah. Orang bertanya kenapa tidak dipanggil jawatankuasa yang 22 orang itu? Dan lima orang itu adakah ahli kaum Islam?